



UCAPAN PERASMIAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN HARI ORANG KURANG UPAYA
PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI TAHUN 2015
“KEPENTINGAN INKLUSIF: AKSES DAN PEMERKASAAN
OKU”**

3 DISEMBER 2015

**DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA
(PWTC), KUALA LUMPUR**

SALUTASI (*Full list TBC*)

Bismillahir Rahman Nirrahim

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam sehati sejiwa dan Selamat petang.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir ke majlis yang sangat bermakna pada petang ini dalam suasana yang sungguh meriah lagi ceria di Dewan Merdeka, PWTC Kuala Lumpur sempena sambutan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2015.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan selamat menyambut **Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Peringkat Kebangsaan 2015** kepada semua warga OKU di seluruh negara. Anda semua sangat istimewa dan terlalu dekat di hati saya. Perhatikan betapa ramai kehadiran warga OKU pada petang ini ditemani oleh keluarga, sanak saudara dan rakan taulan sudah cukup memberi gambaran kepada saya akan sokongan padu tuan-tuan dan puan-puan kepada segala usaha kerajaan dalam meningkatkan kesejahteraan OKU.

Hadirin yang dihormati sekalian,

SAMBUTAN HARI OKU

3. Tarikh **3 Disember** merupakan hari yang sentiasa dinantikan oleh semua warga OKU seluruh dunia kerana pada hari ini telah diisytiharkan sebagai Hari OKU Antarabangsa oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak tahun 1992. Selaras dengan komitmen antarabangsa, Kerajaan turut meraikan hari tersebut setiap tahun bermula tahun 1994. Ia telah menjadi komitmen Kementerian untuk meraikan Hari OKU dan akan terus meraikannya pada tahun-tahun akan datang. Sambutan Hari OKU Peringkat Kebangsaan diadakan bagi memenuhi objektif seperti berikut :

- i. meningkatkan kesedaran tentang kepentingan masyarakat inklusif sebagai tanggungjawab bersama;
- ii. memberi penghormatan dan pengiktirafan terhadap kemampuan, potensi dan sumbangan OKU;
- iii. mengeratkan kesepaduan hubungan dan integrasi pelbagai sektor demi kesejahteraan OKU; dan
- iv. mengetengahkan inisiatif Kerajaan dalam memenuhi hak dan kepentingan OKU.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

KEPENTINGAN INKLUSIF: AKSES DAN PEMERKASAAN OKU

4. Kerajaan sentiasa komited dalam usaha memastikan golongan OKU mendapat kesaksamaan hak dan peluang yang sama seperti anggota masyarakat yang lain dalam semua aspek kehidupan. Usaha ini sangat penting bagi menggalakkan penyertaan penuh, efektif serta bersifat inklusif OKU dalam masyarakat. Ia bertepatan dengan tema Sambutan Hari OKU Peringkat Kebangsaan pada tahun ini iaitu **Kepentingan Inklusif: Akses dan Pemerksaan OKU**. Kesaksamaan hak dan peluang OKU telah diperuntukkan dalam **Akta Orang Kurang Upaya 2008**. Ini bermakna semua pihak harus memberi perhatian terhadap hak dan kepentingan OKU termasuklah hak untuk akses kepada pendidikan, pekerjaan, kesihatan, pengangkutan, perumahan, sukan rekreasi, kebudayaan, perbankan serta kemudahan-kemudahan lain ke arah kesejahteraan hidup secara menyeluruh.

5. Menyedari hakikat ini, isu-isu mengenai OKU telah mengalami anjakan paradigma daripada pendekatan **berasaskan kebajikan (*charity-based approach*)** kepada pendekatan **berasaskan hak (*right-based approach*)**. Anjakan ini memenuhi saranan PBB berhubung konsep "***non-discrimination***" atau tiada diskriminasi. Ketidakupayaan atau "***disability***" bukanlah semata-mata disebabkan kefungsiian individu yang terbatas, tetapi juga merangkumi kekurangan kemudahan yang disediakan yang menjadi penghalang penyertaan OKU dalam masyarakat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

KEJAYAAN OKU DI MALAYSIA

6. OKU tidak seharusnya dilihat sebagai golongan yang lemah. Walaupun mereka mempunyai kekurangan dari segi fizikal atau mental, saya percaya setiap OKU mempunyai potensi tersendiri serta mampu menyumbang ke arah pembangunan negara. Dalam bidang sukan contohnya baru-baru ini seorang OKU iaitu Adik Riduan Pozi telah memenangi pingat emas dalam Kejohanan Olahraga Dunia Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa yang berlangsung di Doha, Qatar dalam acara 100 meter. Saya juga difahamkan bahawa pada tahun 2016 seramai 14 orang OKU akan mewakili negara dalam sukan Abilimpik yang akan berlangsung di Bordeaux, Perancis. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, Abilimpik ini adalah kejohanan ala sukan Olimpik yang mempertandingkan acara-acara yang berkaitan dengan kemahiran kerja untuk OKU dan diadakan setiap 4 tahun. Jadi sama-samalah kita berdoa agar atlet-atlet ini berjaya dalam pertandingan tersebut, Inshaallah.

7. Dalam hubungan ini, Kementerian tidak lupa meraikan golongan OKU yang telah mencipta kejayaan dalam bidang yang mereka ceburi. Pengiktirafan juga diberikan berdasarkan komitmen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), majikan, Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang turut sama-sama meningkatkan usaha untuk kesejahteraan OKU. Buat julung kalinya juga, Kementerian memberi pengiktirafan kepada **Ibu Bapa Mithali** di atas pengorbanan mereka dalam membesarkan,

menjaga dan mendidik OKU. Secara peribadi, saya amat bangga dengan pencapaian ini dan berharap agar ramai lagi OKU dan pihak-pihak yang berkaitan dengan OKU agar sama-sama berganding tenaga dalam memperjuangkan hak inklusif mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMKe-11)

8. Kesungguhan Kerajaan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan OKU diteruskan dalam **Rancangan Malaysia ke11** (RMK 11) dengan pelbagai usaha dan inisiatif yang akan dilaksanakan antaranya termasuk mengukuhkan penguatkuasaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 bagi memastikan kepatuhan kepada reka bentuk sejagat dan mewujudkan persekitaran fizikal yang mesra OKU, menubuhkan tujuh (7) buah *Independent Living Centre* (ILC) berasaskan penglibatan NGO, menaiktarafkan Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi sebagai pusat kecemerlangan latihan dan penyelidikan OKU, menambah baik Sistem Maklumat OKU (SMOKU) bagi menyokong perancangan, pemantauan dan penilaian program sedia ada dan menyasarkan penyertaan 16,000 OKU bekerja di sektor awam melalui pertimbangan khas.

9. Malah, dalam **Bajet 2016**, aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan OKU turut terserlah dengan penyediaan peruntukan sebanyak **RM583 juta** (RM583,803,700). Jumlah ini meningkat sebanyak 25.6% berbanding tahun 2015 sebanyak **RM465 juta** (RM464,574,100).

PENDAFTARAN OKU

10. Pendaftaran OKU sangat penting bagi membantu Kementerian dalam merancang program pemulihan, latihan, pendidikan, menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang sesuai untuk OKU. Berdasarkan **Sistem Pengurusan Maklumat OKU (SMOKU)** hingga **Oktober 2015**, terdapat **seramai 358,193 OKU** yang telah berdaftar dengan JKM. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada semua lapisan masyarakat, tidak kira di mana berada, yang mempunyai anak-anak OKU supaya berdaftar secepat mungkin bagi membolehkan mereka menikmati kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh pelbagai agensi Kerajaan dan swasta.

Hadirin yang dihormati sekalian,

BUSINESS ORIENTED DAN SOCIAL ENTERPRISE

11. Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga mengambil pendekatan ***Business Oriented dan Social Enterprise*** yang dilaksanakan melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi dalam menghasilkan sesuatu produk atau perkhidmatan. Pameran dan karnival Produk OKU yang sedang berlangsung pada masa ini juga merupakan produk yang dihasilkan oleh pelatih-pelatih PDK seluruh negara melalui Program Pemerkasaan Ekonomi atau *Economic Empowerment Programme* (EEP). Hingga Oktober 2015, sebanyak **87 buah pusat PDK** telah melaksanakan program EEP yang melibatkan seramai 624 orang

pelatih OKU. Jumlah PDK yang melaksanakan EEP ini akan bertambah lagi sebanyak 103 PDK yang melibatkan seramai 515 pelatih PDK. Dijangkakan pada akhir tahun 2015 jumlah PDK yang terlibat dengan projek EEP adalah sebanyak 190 buah dan memberi manfaat kepada 1,139 pelatih PDK di seluruh negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

DISABILITY EQUALITY TRAINING (DET)

12. Walaupun pelbagai inisiatif dilaksanakan, masih wujud persepsi negatif terhadap kemampuan OKU kerana mereka memahami isu ketidakupayaan berdasarkan perspektif **Model Perubatan** sahaja. Justeru, dalam usaha meningkatkan pemahaman dan mengubah persepsi terhadap OKU, Kementerian melihat pelaksanaan program **Disability Equality Training (DET) yang** berasaskan perspektif Model Sosial sangat relevan pada masa ini. Melalui DET, diharapkan pandangan dan persepsi masyarakat terhadap isu ketidakupayaan (*disability*) akan dapat diubah dan melihat OKU dari aspek kebolehan atau kemampuan yang mereka ada.

JOB COACH

13. Golongan OKU juga memerlukan pekerjaan bagi memenuhi tuntutan kehidupan dan untuk hidup berdikari. Oleh yang demikian, saya menyeru agar majikan mengubah persepsi terhadap OKU serta **berilah perhatian kepada keupayaan dan bukan melihat kepada ketidakupayaan** mereka semata-mata. Dalam hubungan

ini, JKM telah mengadakan program sokongan pekerjaan di mana **Job Coach berfungsi** sebagai pendekatan inovatif untuk mempromosi pekerjaan di kalangan OKU supaya mereka dapat bekerja dalam suasana terbuka dan kompetitif. JKM telah melaksanakan pendekatan ini **seawal tahun 2005** dan sehingga kini terdapat seramai **1,868** orang telah mengikuti latihan **Job Coach** yang terdiri dari pegawai agensi kerajaan dan swasta.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENUTUP

14. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Induk Sambutan Hari OKU Peringkat Kebangsaan Tahun 2015, JKM, agensi-agensi Kerajaan dan swasta, Pertubuhan Sukarela Kebajikan, badan korporat dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis sambutan pada kali ini. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan **Selamat Menyambut Hari OKU Peringkat Kebangsaan 2015** kepada semua warga OKU di Malaysia.

15. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim saya dengan ini merasmikan Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan Tahun 2015 dengan tema Kepentingan Inklusif: Akses dan Pemerksaan OKU.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wasallam Mualaikum W.B.T.